

Nicorette® Icy Mint Gum

Nicotine (as resinate) (2mg dan 4mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Nicorette® Icy Mint Gum
2. Bagaimana Nicorette® Icy Mint Gum berfungsi
3. Sebelum menggunakan Nicorette® Icy Mint Gum
4. Cara menggunakan Nicorette® Icy Mint Gum
5. Semasa menggunakan Nicorette® Icy Mint Gum
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Nicorette® Icy Mint Gum
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini

Apakah kegunaan Nicorette® Icy Mint Gum

Nicorette® Icy Mint Gum digunakan untuk meringankan simptom penarikan dan mengurangkan ketagihan *nicotine* yang anda rasai apabila anda cuba untuk berhenti merokok.

Bagaimana Nicorette® Icy Mint Gum berfungsi

Apabila anda berhenti merokok, badan anda kehilangan *nicotine* yang biasa anda serap. Anda mungkin akan mengalami perasaan yang tidak menyenangkan dan keinginan yang kuat untuk merokok (ketagihan). Ini menunjukkan anda telah bergantung kepada *nicotine*.

Apabila anda mengunyah Nicorette® Icy Mint Gum, *nicotine* dilepaskan dan disalurkan ke dalam badan anda melalui lapisan mulut anda. *Nicotine* yang dilepaskan dari

gum adalah mencukupi untuk melegakan simptom penarikan yang tidak menyenangkan seperti mudah marah, kegelisahan, kebimbangan, dan kekecewaan. Ini juga akan membantu melegakan keinginan untuk merokok, tetapi Nicorette® Icy Mint Gum tidak akan memberikan anda "dengungan" yang anda terima daripada menghisap rokok.

Sebelum menggunakan Nicorette® Icy Mint Gum

Bila tidak boleh menggunakan
Jangan gunakan

- Jika anda mempunyai alahan terhadap *nicotine* atau mana- mana bahan lain.
- Jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Sebelum mula menggunakan Nicorette® Icy Mint Gum

Berbincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda

- Jika anda mengalami penyakit jantung yang serius atau dimasukkan ke hospital akibat penyakit jantung dalam tempoh 4 minggu ini (contohnya strok, *myocardial infarction*, *unstable angina*, gangguan denyutan atau rentak jantung dan pembedahan yang melibatkan saluran darah ke jantung) atau jika anda mengalami tekanan darah tinggi.

- Jika anda mempunyai ulser perut, ulser duodenum, keradangan perut atau keradangan esophagus.
- Jika anda mempunyai penyakit hati atau ginjal.
- Jika anda mempunyai kelenjar tiroid terlalu aktif atau mempunyai feokromositoma (sejenis tumor kelenjar adrenal yang boleh menjejaskan tekanan darah)
- Jika anda mempunyai diabetes – pantau aras gula anda lebih kerap apabila mula menggunakan Nicorette® Icy Mint Gum kerana anda mungkin mendapati dos insulin atau ubat anda perlu diubah.
- Jika anda mengalami masalah penghadaman atau sakit di bahagian dada.
- Jika anda pernah mengalami epilepsi dan sawan.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika simptom di atas berterusan atau bertambah teruk, atau jika anda mengalami simptom baru.

Mengambil ubat lain

Berbincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat lain seperti *theophylline*, *clozapine*, *ropinirole*, *tacrine*, *insulin*, *imipramine*, *olanzapine*, *clomipramine* atau *fluvoxamine*. Sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda mengambil ubat termasuklah ubat yang tidak dipreskrip. Jikalau berhenti merokok dos

Nicorette® Icy Mint Gum

Nicotine (as resinate) (2mg dan 4mg)

ubat-ubat ini mungkin perlu diselaraskan.

Cara menggunakan

Nicorette® Icy Mint Gum

Berapa banyak harus digunakan

Dewasa:

Bilangan rokok anda hisap setiap hari	Dos Nicorette® Icy Mint Gum
<20 batang	1 gum 2mg seperti yang diperlukan untuk melegakan ketagihan
≥20 batang	1 gum 4mg seperti yang diperlukan untuk melegakan ketagihan

Kebanyakan orang menggunakan antara 8 hingga 12 gum setiap hari. Anda tidak boleh mengambil lebih daripada bilangan gum seperti yang dinyatakan di bawah dalam tempoh 24 jam.


Dos	Kuantiti maksimum setiap hari
2mg	30 pieces
4mg	24 pieces

Terapi Gabungan

Perokok berat, perokok yang mengalami keinginan "breakthrough" atau mereka yang gagal dengan rawatan NRT tunggal, boleh menggunakan format pemberhentian merokok yang fleksibel, digabungkan dengan tampalan untuk melegakan ketagihan dengan cepat. Gunakan cadangan dos yang sama untuk tampalan dan gum seperti dalam terapi mono. Apabila ketagihan dapat dikawal, anda boleh mula

mengurangkan dos dengan tampalan dan gum seperti yang dicadangkan dalam terapi mono.

Kunyah sekeping gum apabila rasa perlu merokok. Gum dikunyah untuk melepaskan nicotine, dan direhatkan supaya nicotine boleh diresap melalui mulut. Nicotine yang ditelan dalam air liur tidak bermanfaat dan bila berlebihan, boleh merengsakan tekak atau menyebabkan sakit perut sehingga tersedu. Untuk mengelakkan ini, rujuklah teknik mengunyah Nicorette® gum di bawah.



Anda harus mengunyah SATU gum pada satu masa. Setiap gum tahan kira-kira 30 minit. Selepas itu, gum akan kehilangan kekuatannya dan anda harus membuangnya dengan berhati-hati.

Kanak-kanak & remaja: Tidak boleh diambil oleh golongan di bawah umur 18 tahun tanpa nasihat doktor.

Bila perlu digunakan

Nicorette® Icy Mint Gum perlu digunakan apabila keinginan merokok muncul. Nicorette® icy mint gum yang mencukupi harus digunakan setiap hari.

Berapa lama perlu digunakan

Kami mencadangkan anda menggunakan Nicorette® Icy

Mint Gum sekurang-kurangnya 3 bulan, 8 hingga 12 biji gum setiap hari.

Berhenti merokok sepenuhnya pada masa yang sama untuk meningkatkan peluang anda untuk berjaya. Penggunaan tetap melebihi 12 bulan biasanya tidak digalakkan.

Jika terlupa menggunakan

Jangan mengambil dos berganda jika anda terlupa menggunakan.

Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda telah menggunakan lebih daripada dos yang disyorkan, anda mungkin mengalami rasa loya, muntah, peliuran, sakit di bahagian abdomen anda, cirit-birit, berpeluh, sakit kepala, pening, gangguan pendengaran atau kelemahan. Jika anda telah menggunakan dos yang lebih tinggi, anda akan mengalami tekanan darah rendah, nadi lemah dan tidak teratur, sukar bernafas, rebah dan kekejangan. Jika anda mendapat mana-mana kesan ini, pastikan ada mendapatkan rawatan perubatan dengan segera. Jika menelan jumlah nikotin yang berlebihan, arang aktif dapat mengurangkan penyerapan nikotin dalam usus.

Semasa menggunakan

Nicorette® Icy Mint Gum

Perkara yang perlu dilakukan

Menggunakan teknik mengunyah Nicorette® gum. Kunyah hanya satu kepingan gum pada satu-satu masa.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Nicorette® Icy Mint Gum

Nicotine (as resinate) (2mg dan 4mg)

Memberikan produk ini kepada kanak-kanak.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan daripada menelan gum. Jika kanak-kanak telah menggunakan atau menelan gum, dapatkan rawatan perubatan dengan segera. *Nicotine* yang ditelan oleh kanak-kanak boleh menyebabkan keracunan yang teruk.

Kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Nicorette® Icy Mint Gum boleh menyebabkan kesan sampingan. Oleh sebab banyak kesan-kesannya adalah disebabkan oleh *nicotine*, ia juga boleh berlaku apabila *nicotine* diperoleh dengan merokok.

Kesan yang berkaitan dengan merokok (penarikan *nicotine*)

Anda mungkin mengalami kesan-kesan yang tidak diingini kerana dengan berhenti merokok, anda telah mengurangkan amaun *nicotine* yang anda ambil. Kesan-kesan ini termasuklah:

- Pening
- Sakit kepala
- Mudah marah atau agresif
- Berasa kurang ceria
- Kegelisahan
- Keresahan
- Tumpuan yang lemah
- Peningkatan selera makan atau berat badan
- Keinginan untuk merokok (ketagihan)
- Tidak dapat tidur atau gangguan tidur
- Penurunan kadar jantung

Kesan sampingan Nicorette® Icy Mint Gum

Kebanyakan kesan yang tidak diingini yang dilaporkan oleh pengguna berlaku semasa fasa awal rawatan dan sebahagian besarnya bergantung pada dos. Kerengsaan dalam mulut dan tekak mungkin dialami, bagaimanapun kebanyakan pengguna menyesuaikan diri dengan penggunaan yang berterusan.

Reaksi alahan (termasuk gejala anafilaksis) jarang berlaku semasa penggunaan Nicorette® Icy Mint Gum. Gum ini boleh melekat pada gigi palsu dan dalam kes-kes yang jarang berlaku, merosakkan gigi palsu.

Kesan-kesan sampingan diperhatikan dalam pengalaman selepas pemasaran (kategori kekerapan dianggarkan daripada kajian klinikal):

Kesan sampingan yang lazim dilaporkan ialah cirit-birit.

Kesan sampingan yang tidak lazim dilaporkan termasuk degupan jantung yang cepat, sendawa, sakit lidah, mukosa mulut mengelupas, kesemutan di sekitar mulut atau kebas, badan berasa lemah, sakit di bahagian dada, kelesuan, sakit di bahagian rahang mulut, mimpi yang tidak normal, semput, masalah suara, masalah pernafasan, hidung tersumbat, sakit pada oropharyngeal, bersin, ketegangan pada bahagian tekak, berpeluh lebih banyak, gatal-gatal kulit, ruam, kemerahan kulit dan tekanan darah tinggi.

Kesan sampingan yang jarang dilaporkan termasuk kesukaran menelan, mulut kebas dan rasa loya.

Jika anda menyedari kesan ini atau apa-apa kesan yang tidak diingini lain yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Apabila anda berhenti merokok anda juga boleh mendapat ulser mulut. Sebab mengapa hal ini berlaku masih tidak diketahui.

Malaysia:

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan Nicorette® Icy Mint Gum

Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan menggunakan gum selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak dan pek blister.

Pelupusan

Lupuskan gum dengan cara yang betul (balut dengan kertas).

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk Nicorette® Icy Mint 2mg Gum:

Kepingan putih bersalut segi empat sama dengan saiz kira-kira 15 x 15 x 6 mm

Nicorette® Icy Mint Gum

Nicotine (as resinate) (2mg dan 4mg)

Nicorette® Icy Mint 4mg

Gum:

Kepingan creme bersalut segi empat sama dengan saiz kira-kira 15 x 15 x 6 mm

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif: *Nicotine*

Bahan tidak aktif:

Nicorette® Icy Mint 2mg

Gum:

Asas gum, *levomenthol*, *acesulfame potassium*, *talc*, *magnesium oxide (light)*, *xylitol*, minyak peppermint, *sodium carbonate anhydrous*, dan *sodium hydrogen carbonate*.

Nicorette® Icy Mint 4mg

Gum:

Asas gum, *xylitol*, *levomenthol*, *quinoline yellow E104 Al-lake*, *acesulfame potassium*, *magnesium oxide (light)*, minyak peppermint, *sodium carbonate anhydrous* dan *talc*.

Bahan untuk salutan Nicorette® Icy Mint Gum: *Pregelatinized starch*, *titanium dioxide*, *hypromellose*, air, *xylitol*, *carnauba wax*, *polysorbate 80*, *winterfresh*, *sucralose* dan *quinoline yellow E104 Al-lake* (4mg sahaja).

Nombor MAL:

2mg: MAL15045076XRZ

4mg: MAL15045059XRZ

Pengilang

McNeil AB, Norrbroplatsen 2,
SE-251 09, Helsingborg,
Sweden.

Pemegang Pendaftaran

Produk

JNTL (MALAYSIA) SDN. BHD.

Lot 3 & 5, Jalan Tandang,
46050 Petaling
Jaya, Selangor, Malaysia.

Pusat Penjagaan Pengguna

Talian Bebas Tol:

1-800-222-565

Tarikh kemaskini RiMUP

04 October 2023 (CCDS V3.0

19 Apr 2022)

Nombor Siri

NPRA(R2/1)230502/1056